

**Amalan Masyarakat Melayu Islam dalam Perkahwinan:
Kajian Menurut Perspektif Al-Quran dan Al-Sunnah
(Practices of The Malay Muslim Society in Marriage:
Study According to The Perspective of
The Al-Quran and The Al-Sunnah)**

Khalilullah Amin Ahmad

Faculty of Al-Quran & Sunnah, Kolej Universiti Islam Perlis (KUIPs)
02600, Pauh Putra, Perlis, Malaysia
E-mail: amin@kuips.edu.my

Muhammad Lukman Mat Sin

Faculty of Al-Quran & Sunnah, Kolej Universiti Islam Perlis (KUIPs)
02600, Pauh Putra, Perlis, Malaysia
E-mail: drlukman@kuips.edu.my

Azwira Abdul Aziz

Faculty of Al-Quran & Sunnah, Kolej Universiti Islam Perlis (KUIPs)
02600, Pauh Putra, Perlis, Malaysia
E-mail: baarshad@kuips.edu.my

Ashraf Hassan Mohamed Hassan

Faculty of Al-Quran & Sunnah, Kolej Universiti Islam Perlis (KUIPs)
02600, Pauh Putra, Perlis, Malaysia
E-mail: ashraf@kuips.edu.my

Amir Adel Mabrouk Eldeib

Faculty of Al-Quran & Sunnah, Kolej Universiti Islam Perlis (KUIPs)
02600, Pauh Putra, Perlis, Malaysia
E-mail: dramir@kuips.edu.my

*Article
Progress:*

*Submission
date: 01-12-
2023
Accepted date:
20-12-2023*

ABSTRACT

*Marriage has manners and demands in Islam. However, wedding ceremonies carried out in the Muslim Malay Society are exposed to negative elements such as excessive waste either from the point of view of food disposal elements, extreme ceremony decorations (*ghulūw*) with relatively high ceremony costs and entertainment activities that do not comply with syariah such as singing in public. This is because there are cultural differences, and practices in the implementation of wedding ceremonies according to a certain race or country. Thus, this study aims to analyze Islamic manners in wedding ceremonies according to the perspective of the Quran and hadith. This study uses data collection methods through document analysis from written sources such as books of hadith and fiqh, journal articles, newspapers and written materials related to the topic of the study. The findings of the study show that the wedding ceremony that is carried out must comply with the guidelines according to the perspective of*

al-Quran and al-Sunnah in accordance with Islamic manners in six main elements, namely photography, clothing, jewelry, entertainment, food and socializing.

Keywords: Practices; Malay: Marriage; Al-Quran; Al-Sunnah.

ABSTRAK

*Perkahwinan memiliki adab dan tuntutan dalam agama Islam. Walau bagaimanapun, majlis perkahwinan yang dilaksanakan dalam Masyarakat Melayu Islam terdedah dengan unsur-unsur negatif seperti pembaziran berlebihan sama ada dari sudut elemen pembuangan makanan, hiasan majlis yang melampau (*ghuluw*) dengan kos majlis yang agak tinggi serta kegiatan hiburan yang tidak patuh syarak seperti nyanyian dalam khalayak ramai. Hal demikian kerana terdapat perbezaan budaya, dan amalan dalam pelaksanaan majlis perkahwinan mengikut sesuatu bangsa atau negara. Justeru, kajian ini bertujuan untuk menganalisis adab Islami dalam majlis perkahwinan menurut persepektif al-Quran dan hadith. Kajian ini menggunakan kaedah pengumpulan data melalui analisis dokumen daripada sumber-sumber penulisan seperti kitab hadith dan fikah, artikel jurnal, akhbar dan bahan penulisan yang berkaitan dengan tajuk kajian. Dapatkan kajian menunjukkan majlis perkahwinan yang dilaksanakan perlulah menepati garis panduan menurut perspektif al-Quran dan al-Sunnah sesuai dengan adab Islami dalam enam elemen utama, iaitu fotografi, pakaian, perhiasan, hiburan, hidangan dan pergaulan.*

Kata Kunci: Amalan; Melayu: Perkahwinan; Al-Quran; Al-Sunnah.

1. PENGENALAN

Adab merupakan tindakan luaran berkaitan situasi peribadi insan yang telah sebatи dan diterjemahkan melalui tingkah laku secara mudah tanpa wujudnya keperluan pertimbangan akal. Perkahwinan atau nikah dari segi terminologi ialah himpunan, pengumpulan, percantuman, persetubuhan dan akad (al-Ghazzi, 1970). Adab dalam perkahwinan adalah perkara yang diselaraskan sesuai dengan perintah Allah SWT dalam al-Quran dan perintah Rasulullah SAW dalam hadith. Agama Islam menuntut penganutnya untuk mengadakan akad nikah atau lebih dikenali dengan pernikahan.

Perkataan asal majlis perkahwinan adalah *wālīmah al-Ūrūs*, iaitu melibatkan jamuan kenduri untuk mengumpulkan antara lelaki dan wanita atau mengumpulkan wanita-wanita sahaja atau mengumpulkan jenis pelbagai juadah makanan (al-Fauzan, 2012; Siti Zaleha Ibrahim et al., 2019). Dalam komuniti Melayu Muslim, perbelanjaan perkahwinan bukan hanya difokuskan kepada pembayaran mahar dan penganjuran majlis perkahwinan, malah turut melibatkan pelbagai bentuk aspek rentetan daripada penerapan elemen budaya dan tren masa kini dalam amalan pernikahan mereka.

2. PERMASALAHAN KAJIAN

Dalam adat perkahwinan masyarakat Melayu, pasangan pengantin dilaksanakan upacara tertentu untuk mereka seperti pemakaian inai, perhiasan pelamin khas, taburan beras kunyit dan renjisian air mawar, perhiasan pulut kuning dan bunga telur (Deraman, 2001; Siti Zaleha Ibrahim et al,

2019). Hal demikian menunjukkan persepsi masyarakat Muslim terhadap majlis perkahwinan terdapat perubahan dari semasa ke semasa berdasarkan musim tertentu. Tren terdahulu saranan tuan rumah untuk mengadakan majlis perkahwinan adalah menjadi satu keutamaan, namun kini wang ringgit menjadi satu pertaruhan dalam mengendalikan majlis tersebut. Islam sangat menegah penganutnya melakukan aktiviti pembaziran dalam melangsungkan majlis perkahwinan (Zahari Mahad Musa, 2014; Mohd Sukri, R. F. et al., 2021).

Dalam pada itu, konsep kesederhanaan (*wasatiyyah*) telah dipinggirkan demi memelihara nama dan kedudukan tertentu dalam sesebuah komuniti. Justeru, kebanyakan majlis perkahwinan hari ini tidak menjadikan hak kewajipan beragama sebagai satu matlamat utama sehingga akhirnya wujudnya kepelbagaiannya kegiatan perkhidmatan perkahwinan yang menjurus kepada unsur perbuatan yang ghuluw (Zahari Mahad Musa, 2014). Hal ini kerana penyusupan budaya asing telah terdedah dalam budaya komuniti Muslim terutamanya komuniti bandar. Budaya asing sebegini mencemarkan identiti Muslim dan pada dasarnya sangat bercanggah dengan tuntutan syariat Islam, malah bertentangan dengan adat Melayu yang mementingkan kesusilaan dan tampak kesopanan etika. Dalam pada itu, elemen *al-tashabbuh* wujud dalam adat perkahwinan komuniti Muslim masa kini seperti upacara mandian bunga dalam kepercayaan agama Hindu, malah perkara ini jelas bercanggah dengan adab Islami yang telah digariskan dalam syariat (Paizah Ismail et al., 2013; Anisah Ab Ghani, 2019).

Permasalahan yang timbul dalam majlis perkahwinan dapat dibahagikan kepada enam elemen (Paizah Ismail et al., 2013). Antaranya ialah elemen fotografi atau penggambaran, pakaian, perhiasan, hiburan, makanan dan minuman serta pergaulan. Pertama, elemen fotografi atau penggambaran wujud disebabkan sikap keghairahan ingin bergambar sehingga menjurus kepada pengabaian tuntutan penjagaan aurat. Aksi penggambaran bermesraan dan disebarluaskan untuk tatapan awam dalam media sosial seperti twitter, facebook, instagram, tik tok dan sebagainya (Siti Zaleha Ibrahim et al, 2019).

Kedua ialah elemen pakaian. Hal ini dapat dibuktikan melalui peruntukan wang ringgit yang terlalu banyak untuk menggayakan busana yang gah. Sebahagian pengantin gemar berpakaian ala-Barat dan tidak menutup aurat. Tren pada masa kini, penutupan aurat hanya berlaku dalam masjid ketika sesi upacara akad nikah sahaja, sebaliknya pendedahan aurat kembali berlaku dalam majlis perkahwinan sama ada di rumah, dewan orang ramai atau dewan hotel. Ketiga, elemen perhiasan. Tidak dinasikan bahawa kecantikan adalah naluri *insānīah* yang wujud dalam diri manusia terutamanya apabila berlangsungnya majlis perkahwinan. Namun demikian, unsur *al-tabarruj* telah wujud dan berlebihan (*ghulūw*) dalam menggayakan perhiasan seperti aksesori kecantikan, penyediaan dewan majlis dan fenomena hiasan dalaman yang memperuntukkan kos yang tinggi (Siti Zaleha Ibrahim et al, 2019).

Keempat ialah elemen hiburan. Meskipun kedamaian jiwa manusia dapat dirasai melalui hiburan, namun jika perkara tersebut boleh menjurus kepada kelalaian sehingga mengakibatkan dosa dan maksiat. Mungkin tidak keterlaluan jika dikatakan bahawa dendangan lagu muzik, persembahan joget lambak dan muzik yang melalaikan dalam majlis perkahwinan boleh mencemarkan kesucian cinta yang lahir daripada akad nikah yang sah. Hal demikian sangat bertentangan dengan syariat Islam. Kelima, elemen makanan dan minuman. Elemen ini adalah tuntutan asas dalam majlis perkahwinan. Namun demikian, pembaziran kerap berlaku sehingga terdapat sebahagian pengantin terpaksa berhutang dengan pihak bank bagi memenuhi kehendak untuk mengadakan majlis perkahwinan secara mewah dan besar-besaran (Anisah Ab Ghani, 2019).

Elemen terakhir ialah pergaulan. Elemen ini sering dibahaskan dalam hukum syarak terutamanya ketika ingin mengadakan majlis perkahwinan. Hal demikian kerana realiti wujudnya pergaulan bebas antara lelaki dan wanita tanpa had dan pemisahan. Fenomena ini telah

menyebabkan timbulnya perubahan adat perkahwinan komuniti Muslim kontemporari yang berpunca daripada pengaruh budaya ala-Barat (Fatimah Salwa Abd. Hadi et al., 2016).

3. OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengkaji amalan masyarakat melayu Islam dalam perkahwinan menurut perspektif al-Quran dan al-Sunnah.

4. METODOLOGI

Kajian ini menggunakan reka bentuk kualitatif yang melibatkan teknik pengumpulan data melalui analisis dokumen. Dokumen yang terlibat ialah sumber rujukan autentik daripada kitab-kitab hadith dan fikah, artikel jurnal, akhbar dan bahan penulisan yang berkaitan dengan kajian ini.

5. AMALAN MASYARAKAT MELAYU ISLAM DALAM PERKAHWINAN MENURUT PERSPEKTIF AL-QURAN DAN AL-SUNNAH

Majlis perkahwinan adalah sebahagian tuntutan dalam agama Islam terutamanya hak sebelah suami atau pengantin lelaki (Anisah Ab Ghani, 2019). Hal demikian dapat dibuktikan melalui arahan Rasulullah SAW kepada Ābd al-Rahmān bin Āūf untuk menganjurkan majlis perkahwinan. Dalam hadith yang telah diriwayatkan daripada Anas bin Mālik RA:

أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ رَأَى عَلَى عَبْدِ الرَّحْمَنِ بْنِ عَوْفٍ أَثْرَ صُفْرَةٍ فَقَالَ مَا هَذَا
قَالَ يَا رَسُولَ اللَّهِ إِنِّي تَزَوَّجْتُ امْرَأَةً عَلَى وَزْنِ نَوَافِهِ مِنْ ذَهَبٍ قَالَ فَبَارِكْ لَكَ اللَّهُ أَوْفِهِ وَلَوْ
بِشَاءٍ

Bahawasanya Nabi SAW melihat bekas kuning pada Ābd al-Rahmān Ibn Āūf, maka beliau bersabda: “Apakah ini? Dia menjawab; Wahai Rasulullah, sesungguhnya saya baru berkahwin dengan seorang wanita dengan mas kahwin seberat biji kurma. Lalu Baginda bersabda: Semoga Allah memberkati perkahwinan kamu, maka anjurkanlah majlis perkahwinan tersebut walaupun hanya dengan seekor kambing”.

(HR al-Bukhārī, bab Kaifā Yud'ā lī al-Mutazawwiy, no: 5155, HR Muslim, bab al-Sādāq, no: 2556)

Berdasarkan hadith tersebut, keperluan dalam mengadakan majlis perkahwinan adalah disesuaikan dengan kemampuan pihak tuan rumah. Dalam pada itu, Rasulullah SAW telah mengadakan majlis perkahwinan dengan menyediakan makanan kurma bersama susu atau jenis bijiran gandum. Hal demikian menunjukkan tuntutan dalam agama Islam adalah mewujudkan kesederhanaan dalam majlis perkahwinan. Malah, matlamat sebenar dapat dicapai, iaitu untuk kebaikan bersama melalui hubungan silaturrahim antara keluarga dan hubungan persaudaraan tanpa mengira faktor kedudukan pangkat, kaya atau miskin dan sebagainya (Siti Zaleha Ibrahim et al., 2019). Selain itu, kebaikan majlis perkahwinan dapat menghebahkan pernikahan dengan

kehadiran orang ramai ke majlis tersebut (al-Fauzān, 2012). Hal demikian sebagaimana sabda Baginda SAW yang diriwayatkan oleh Āisyah RA:

أَعْلَمُوا هَذَا النِّكَاحَ وَاجْعَلُوهُ فِي الْمَسَاجِدِ وَاضْرِبُوهُ عَلَيْهِ بِالْدُّفُوفِ

“Hebahkanlah akan pernikahan ini dan lakukanlah ia di masjid, dan palulah (raikannya) dengan memukul gendang (di luar masjid).”

(HR Al-Tirmidzi, bab al-Nikāh, no. 1009, hadith sahib).

Masyarakat Melayu Islam perlu menyedari bahawa peranan masjid telah dikembangkan sebagai lokasi untuk perlaksanaan majlis akad nikah dengan matlamat agar mendapat keberkatan dalam majlis tersebut. Namun demikian, majlis tersebut mestilah sejajar dengan tuntutan syarā' dan tidak bercampur dengan elemen-elemen yang bertentangan dengan syariat. Malah hukum asal harus itu boleh berubah menjadi hukum haram jika terdapat himpunan antara elemen harus dan elemen haram (JAKIM, 2013). Hal demikian telah dijelaskan seperti berikut:

“Muzakarah berpandangan bahawa Jumhur ulama’ telah memperakukan bahawa upacara akad nikah dibenarkan untuk dilaksanakan di masjid. Bahkan ulama’ mazhab Shafie berpendapat adalah sunat dan digalakkan untuk melaksanakan akad nikah di masjid. Sehubungan itu, Muzakarah bersetuju memutuskan bahawa melakukan upacara akad nikah di masjid atau surau adalah disunatkan untuk mendapat keberkatan. Walau bagaimanapun, kedua-dua pihak bagi pengantin lelaki dan perempuan yang turut menyertai upacara akad nikah tersebut hendaklah menjaga adab dan mematuhi peraturan semasa berada di dalam masjid atau surau berkenaan”.

Antara adab Islami dalam majlis perkahwinan perlu diterapkan dalam komuniti Muslim berpandukan perspektif al-Quran dan al-Sunnah adalah seperti penjelasan berikut.

5.1 Elemen Fotografi atau Penggambaran

Secara umumnya, perbuatan fotografi dan penggambaran adalah harus dengan syarat gambar tersebut masih berada dalam kerangka landasan syariat Islam. Hal demikian telah difatwakan oleh Yusuf al-Qaradawi. Walau bagaimanapun, jika pengantin memakai pakaian yang jarang sehingga terdedah bentuk, maka hukum bergambar tersebut adalah haram jika juru gambar tersebut bukan mahram bersama kedua-dua pengantin tersebut. Sebaliknya sekiranya juru gambar tersebut adalah mahram, maka hukum syarak membenarkan perkara tersebut bersyaratkan hanya bertujuan hal penggambaran peribadi untuk dijadikan kenangan dan tidak disebarluaskan dalam media sosial. Tambahan pula, perbuatan berhias disebut sebagai al-tabarruj adalah haram dalam agama (Siti Zaleha Ibrahim et al., 2019; Paizah Ismail et al., 2013). Allah SWT berfirman dalam al-Quran:

وَلَا تَبَرَّجْ تَبَرَّجْ الْجَاهِلِيَّةِ الْأُولَى

“Dan janganlah kamu bersolek (berhias) seperti mana wanita jahiliyyah berhias”.

(Surah al-Ahzab: 33)

Berdasarkan dalil tersebut, solekan dalam perkahwinan adalah dilarang dalam agama Islam kerana telah menyerupai perbuatan jahiliyyah. Dalam pada itu, sekiranya pakaian tersebut telah menutup

aurat, namun demikian aktiviti penggambaran dilakukan bersama aksi tidak sihat, maka hukumnya adalah haram. Justeru, aktiviti fotografi hendaklah bebas daripada unsur-unsur yang boleh membawa kepada hukum yang haram seperti kewujudan aksi berintiman, pendedahan aurat, juru gambar yang bukan mahram, perasaan riyā', sebaran gambar dalam media sosial dan sebagainya bagi menjamin kesucian dan keberkatan dalam majlis perkahwinan (Che Zaharah Abdullah, 2015).

5.2 Elemen Pakaian

Persediaan pakaian untuk majlis perkahwinan mestilah berbentuk sederhana dan memudahkan (al-taysīr) dari sudut perbelanjaan dan peruntukan wang (Syh Noorul Madihah Syed Husin et al., 2014). Hal demikian telah dinyatakan dalam hadith Baginda SAW:

خَيْرُ النِّكَاحِ أَيْسَرُهُ

“Sebaik-baik perkahwinan adalah yang paling memudahkan”.

(*HR Abū Dawūd, Kitāb al-Nikāh, Bāb fi man Tazawwajā wa lam yusamm laha Sadāqan Hatta Mat*, no. hadith 2117).

Konsep perbelanjaan mestilah diukur berdasarkan tahap kemampuan dalam majlis perkahwinan. Islam sebagai agama yang syumul tidaklah menghalang umatnya untuk meraikan perkahwinan dalam bentuk kegembiraan, malah perkara ini sangat dituntut agar matlamat dapat dicapai . Hal demikian dibuktikan melalui keharusan berhias bagi pasangan pengantin perempuan. Perkara ini telah dilakukan oleh Aisyah RA ketika dalam majlis perkahwinan beliau bersama Rasulullah SAW, beliau telah dihias oleh sekumpulan wanita. Malahan, beliau juga pernah meminjam barang kemas daripada Asma' RA untuk dijadikan perhiasan dalam majlis tersebut. Oleh itu, aktiviti berhias sebegini bergantung kepada faktor kemampuan bagi setiap individu (Syh Noorul Madihah Syed Husin et. al, 2014).

5.3 Elemen Perhiasan

Persiapan dalam perhiasan dalaman mahupun luaran mestilah bebas daripada al-tabarruj dan berlebih-lebihan sehingga membawa kepada unsur pembaziran yang melampau. Hal demikian boleh bertujuan untuk keberkatan majlis perkahwinan (Siti Zaleha Ibrahim et al, 2019). Allah SWT berfirman dalam al-Quran:

إِنَّ الْمُبَدِّرِينَ كَانُوا إِخْوَانَ الشَّيْطَانِ وَكَانَ الشَّيْطَانُ لِرَبِّهِ كَفُورًا

“Sesungguhnya orang-orang yang melakukan pembaziran itu adalah saudara-saudara Syaitan, sedangkan Syaitan itu pula adalah makhluk yang sangat kufur kepada Tuhanya.

(Surah al-Isra': 27)

Berdasarkan dalil tersebut, Islam melarang penganutnya untuk melakukan pembaziran kerana perbuatan tersebut menyerupai perbuatan syaitan.

5.4 Elemen Hiburan

Elemen hiburan juga dibolehkan dalam agama Islam. Namun, alternatif lain mestilah selari dengan tuntutan Islam dan tidak melampau sehingga membawa kepada kelalaian (Syh Noorul Madihah Syed Husin, 2017). Elemen hiburan ini diharuskan berpandukan kepada hadith Rasulullah SAW, Aisyah RA berkata yang bermaksud:

أَنَّهَا رَفَتِ امْرَأَةً إِلَى رَجُلٍ مِّنَ الْأَنْصَارِ، فَقَالَ نِبِيُّ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: «يَا عَائِشَةً،
«مَا كَانَ مَعَكُمْ هُوَ؟ فَإِنَّ الْأَنْصَارَ يُعْجِبُهُمُ اللَّهُ»

Maksudnya: "Aisyah RA mempersiapkan seorang wanita untuk dinikahi seorang lelaki. Lalu Rasulullah SAW pun bersabda: "Wahai Aisyah, tidak adakah sebarang hiburan dalam majlis perkahwinan ini? Sesungguhnya kaum Ansar amat menyukai hiburan".

(HR Al-Bukhari, Kitāb al-Nikāh, , no. hadith 5162).

Hadith tersebut menyatakan keharusan untuk berhibur dan berseronok selama ia tidak menghalang dari mengingati dan mentaati perintah Allah. Oleh itu, jelaslah bahawa di dalam Islam terdapat bahagian-bahagian yang dibenarkan oleh syarak untuk berhibur. Melalui dalil hadith ini juga, dapat difahami bahawa agama Islam tidak menghalang sebarang bentuk elemen hiburan dalam majlis perkahwinan selagi mana masih berada dalam kerangka kesopanan dan bebas daripada unsur kelalaian. Sebagai contoh, hiburan nasyid yang memuji kebesaran Allah SWT (Che Zaharah Abdullah et al., 2015).

5.5 Elemen Hidangan

Penyediaan hidangan makanan dan minuman merupakan keperluan utama dalam majlis perkahwinan. Lantaran itu, perbelanjaan kos bagi hal ini mestilah berdasarkan konsep kemampuan dan memudahkan (Zahari Mahad Musa, 2014). Sumber makanan dan minuman pula mestilah halal dan baik (Syh Noorul Madihah Syed Husin et al., 2014). Allah SWT berfirman dalam al-Quran:

يَأَيُّهَا أَنَّاسُ كُلُّوا مِمَّا فِي الْأَرْضِ حَلْلًا طَيِّبًا

"Wahai sekalian manusia! makanlah daripada apa yang ada di bumi yang halal lagi baik".

(Surah al-Baqarah: 168)

Isu pembaziran sering berlaku dalam penyediaan hidangan makanan dan minuman. Hal ini kerana perbuatan tersebut termasuk dalam amalan yang dilakukan oleh syaitan. Rasulullah SAW telah menunjukkan contoh yang baik dengan menyediakan hidangan dalam kadar yang cukup dan tidak berlebihan. Selain sajian berdasarkan daging, roti, kurma, tepung, keju dan minyak sapi, Rasulullah SAW juga pernah diriwayatkan menyajikan sajian berdasarkan barli. Safiyyah binti Shāybāh RA pernah berkata:

أولم النبي صلى الله عليه وسلم على بعض نسائه بمنى من شعير

“Nabi Muhammad SAW pernah mengadakan walimah untuk sebahagian isteri-isteri baginda dengan dua cupak barli”.

(HR al-Bukhārī, Kitāb al-Nikāh, bāb Man Awlam ‘alā Ba‘d Nisā īh Akthar min Ba‘d, no. Hadith 5172).

Dalam hadith tersebut membuktikan bahawa Rasulullah SAW tidak melakukan pembaziran dalam penyediaan hidangan makanan dan minuman secara berlebihan, malah bersesuaian dengan kemampuan.

5.6 Elemen Pergaulan

Dalam elemen ini, pergaulan antara lelaki dan wanita perlulah berada dalam kerangka batasan syarāk. Sebagai contoh, tiada unsur al-tabarruj, pakaian menutup aurat, tunduk pandangan, perbualan tidak berlebihan dan sebagainya. Hal demikian bertujuan untuk menutup ruang-ruang yang boleh membawa fitnah atau disebut sebagai sadd al-zari‘āh (Anisah Ab Ghani, 2019). Pergaulan bebas antara lelaki dan perempuan termasuk dalam unsur penyerupaan (al-tasyabhu) yang dilarang dalam syariat Islam. Larangan al-tasyabhu ini telah dinyatakan dalam hadith Rasulullah SAW daripada ‘Ābd Allāh bin ‘Ūmar RA:

مَنْ تَشَبَّهَ بِقَوْمٍ فَهُوَ مِنْهُمْ

“Barangsiapa yang menyerupai suatu kaum, maka dia termasuk darinya”.

(HR Abū Daud, Kitab al-Libās, Bab Libās al-Shuhrāh, no. Hadith: 3512).

Berdasarkan hadith ini dapat difahami bahawa peniruan ala-Barat adalah haram malah termasuk dalam perbuatan kufur secara zahir (al-Tuwaijiry, 2000; Siti Zaleha Ibrahim et al., 2019).

6. KESIMPULAN

Majlis perkahwinan adalah sebahagian tuntutan dalam syariat Islam. Pendekatan secara sederhana atau lebih dikenali sebagai wasatiyyah adalah dituntut supaya matlamat pensyariatan tersebut dapat dicapai dengan baik. Sikap wasatiyyah perlu diterapkan dalam masyarakat Melayu Islam sebagai satu elemen pemikiran atau idea yang bersifat sederhana, pertengahan dan tidak berlebihan dalam majlis perkahwinan. Sewajarnya, konsep pendekatan sederhana dalam majlis perkahwinan perlulah berada dalam kerangka landasan dalil-dalil yang bersumberkan al-Quran dan hadith bagi memastikan kesucian dan kemurniaan dalam perkahwinan. Dapatkan kajian mendapati bahawa majlis perkahwinan yang dilaksanakan perlulah menepati garis panduan syariat Islam sesuai dengan adab Islami dalam enam elemen utama, iaitu fotografi, pakaian, perhiasan, hiburan, hidangan dan pergaulan. Islam bukanlah agama yang memberatkan penganutnya malah mempermudah dalam segala aspek kehidupan. Agama ini bersifat fleksibel tidak menghalang umatnya untuk mengamalkan sebarang adat istiadat selagi ianya tidak bersalahan dengan prinsip-prinsip utama dalam Islam. Oleh itu, generasi baharu perlu membuka langkah untuk

melaksanakan perubahan di samping agama Islam dijadikan sebagai panduan kehidupan yang realiti.

PENGHARGAAN

Kajian ini menyatakan penghargaan kepada Kolej Universiti Islam Perlis dengan tajaan dana penyelidikan melalui Fakulti Al-Quran dan Sunnah. Kod dana penyelidikan: VOT 5003/0007 Research Publication.

RUJUKAN

- Al-Fauzān, Abdullah Sālīh. (2012). *Minhah al-'Allam Fi Syarhi Bulughul Maram*. Arab Saudi: Dar Ibn al-Jauzi. Cetakan Kedua.
- Al-Qurtubī, Ibn Abdil Bar. (1387). *At-Tamhid Lima Fi al-Muwattho' Min al-Ma'ani Wal Asanid*. Morocco: Kementerian Wakaf Dan Pengurusan Islam.
- Al-Tuwaijīry, Abdullah Abdul Aziz. (2000). *al-Bida' al-Hauliyah*. (terj.) Munirul Abidin. Jakarta: Darul Falah, hlm. 118.
- Anisah Ab Ghani. (2019). Batas-batas pergaulan antara lelaki dan perempuan dalam masyarakat Islam Kini: Satu huriahan hukum Islam semasa. *Jurnal Syariah*, 7(1), 23-30.
- Che Zaharah Abdullah, Zaharah Yahya, Fatimah Salleh & Baterah Alias. (2015). Adat perkahwinan masyarakat Melayu, kesejarahannya dengan nilai Islam: Kajian di Shah Alam. Kertas telah dibentangkan dalam ICOMHAC2015 e-proceedings pada 16-17 Disember 2015, Century Helang Hotel, Pulau Langkawi, UiTM Cawangan Kedah-INSPIN.
- Deraman, A. A. (2001). Masyarakat dan kebudayaan Malaysia. Edisi baharu. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka, hlm. 52.
- e-fatwa, Portal Rasmi Fatwa Malaysia, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-kebangsaan>, 29 November 2011. Dicapai pada 12 Julai 2019.
- Fakhrudin Abdul Mukti, Mohd Fauzi Hamat, Faizuri Abd Latif & Norafifah Ab Hamid. (2010). Wasatiyyah dan keamanan global: Kajian terhadap pemikiran ulama Melayu. *Jurnal Aqidah dan Pemikiran*, 11, Universiti Malaya.
- Fatimah Salwa Abd. Hadi, Nurhanie Mahjom, Fidlizan Muhammad, Mohd Yahya Mohd Hussin, Normala Zulkifli, Norimah Rambeli @ Ramli, Mohamad Azahari Ahmad. (2016). Analisis corak perbelanjaan perkahwinan dalam kalangan graduan. *Management Research Journal*, 6(1), 22 - 31.
- Ghazali Basri (2008). *Dinamika Tasawwur Islam Dalam Pembentukan Keperibadian Umat*. Seri Begawan: Kolej Universiti Perguruan Agama Seri Begawan, Brunei

- Haron Din. (2007). Islam: Keadilan membebaskan manusia. PTS Litera Utama.
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. (2013). Garis panduan upacara akad nikah di masjid dan perkara-perkara yang berkaitan dengannya. Selangor: OMR Press Sdn. Bhd.
- Khader Ahmad, Mustaffa Abdullah, Sedek Ariffin & Mohd Yakub. (2016). Fanatik beragama dalam kalangan masyarakat Islam di Malaysia: Analisis berdasarkan pemahaman terhadap fiqh al-Hadith. International Conference on Islam in Malay World VI (ICON-IMAD) 2016, 20-22 September 2016, Universiti Islam Sultan Sharif Ali, Brunei.
- Khadher Ahmad & Mohd Farhan Md Ariffin. (2014). Penerapan nilai-nilai wasatiyyah dalam pembentukan muslim cemerlang: Satu analisis teori. Kertas telah dibentangkan dalam International Conference on Wasatiyyah in The Quran and Sunnah, Kuala Lumpur
- Mat Saad Abd Rahman. (2002). Undang-undang Keluarga Islam, Aturan Perkahwinan: Suatu Pendekatan Berdasarkan Amalan Semasa. c. 2. Petaling Jaya: IMAP, hlm. 61.
- Mohamad Som Sujimon & Abdul Basir Mohamad. (2009). Fikah kekeluargaan. Selangor: IIUM Press.
- Mohd Khairuddin Mohd Sallehuddin & Mohamad Fauzi Sukimi. (2016). Impian dan realiti majlis perkahwinan orang Melayu masakini: Kajian kes di pinggir Bandar Kuala Lumpur. Selangor: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd Sukri, R. F., Kusrin, Z. M., Muda, M. Z., & Ahmad, M. Y. (2021). Hak pasangan bukan Islam dalam harta perkahwinan terdahulu menurut perspektif syarak: The rights of non-Muslim couples to previous marriage property according to Islamic perspective. Al-Irsyad: Journal of Islamic and Contemporary Issues, 6(1), 523-536.
- Muhammad Qasim al-Ghazzi. (1970). Sharh Fath al-Qarib al-Mujib 'Ala al-Kitab al-Musamma Bi al-Taqrib, juz. 4. Mesir: Mustafa al-Babi al-Halabi, hlm. 43.
- Paizah Hj Ismail, Mohd Anuar Ramli & Ahmad Badri Abdullah (2013). Pengenalpastian elemen al-Tasyabbuh (penyerupaan) dalam budaya perkahwinan masyarakat Islam kontemporari dalam rangka mempertahankan sunnah nabawiyah. Kuala Lumpur: Universiti Malaya. Projek Penyelidikan RG 408-12HNE.
- Sāleḥ Abdul Aziz. (2000). Mawsu'ah al-Hadith al-Sharif al-Kutub al-Sittah, cetakan 3. Arab Saudi: Dar al-Salam.
- Siti Zaleha Ibrahim, Mohd Faisal Mohamed & Phayilah Yama. (2019). Elemen perbelanjaan dalam perkahwinan Melayu: Tinjauan hukum dari perspektif fiqh kontemporari. Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities, 4(4), 12 - 18.
- Syh Noorul Madihah Syed Husin, Raihanah Azahari & Asmak Ab Rahman. (2014). Konsep al-Taysīr dalam perbelanjaan perkahwinan Islam. Shariah Journal, 22(3), 323-354.

Syh Noorul Madihah Syed Husin, Raihanah Azahari & Asmak Ab Rahman. (2016). Analisis konsep perbelanjaan perkahwinan Rasulullah SAW. Jurnal Usuluddin, 43(1), 109-136.